

# **Kertas Bil. 5/2017**



---

**PENYATA JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG  
“USUL NOMBOR 20 TAHUN 2016 DI BAWAH  
PERATURAN TETAP 26(1)(P) UNTUK MERUJUK Y.B.  
DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN (ADN  
BATANG KALI) KE JAWATANKUASA HAK DAN  
KEBEBA SAN DEWAN BERDASARKAN UCAPAN BELIAU  
DI DEWAN NEGERI SELANGOR PADA 1HB  
NOVEMBER 2016.”**

---

Penyata oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Dewan Negeri Selangor berkenaan "Usul Nombor 20 Tahun 2016 di bawah Peraturan Tetap 26(1)(p) untuk merujuk Y.B. Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlal (ADN Batang Kali) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan berdasarkan ucapan beliau di Dewan Negeri Selangor pada 1hb November 2016."

## **1. MUKADIMAH**

- a. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah mengadakan pendengaran tertutup pada 6hb Februari 2017 (Selasa) untuk membincangkan usul di atas.
- b. Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti isu ini kerana melibatkan isu perundangan yang berkenaan kuasa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor dan peranan serta hak Ahli Dewan Negeri (ADN) di dalam sesebuah entiti legislatif.

## **2. AHLI JAWATANKUASA**

- a. Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan  
(ADN Subang Jaya)
- b. Y.B. Tuan Dr Yaakob bin Sapari  
(ADN Kota Anggerik)
- c. Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam  
(ADN Seri Andalas)
- d. Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin  
(ADN Morib)
- e. Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan  
(ADN Tanjung Sepat)
- f. Y.B. Puan Tiew Way Keng  
(ADN Teratai)
- g. Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd. Aziz D.M.S.M., A.M.S., J.P.  
(ADN Semenyih)

### **3. PENDENGARAN TERTUTUP JAWATANKUASA BERTARIKH 6HB FEBRUARI 2017**

Y.B. Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan Ahli Dewan Negeri (ADN) Batang Kali telah hadir di sesi Pendengaran Tertutup Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan menurut Peraturan-peraturan Tetap Jadual [Peraturan Tetap 73(14)] Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan, Perkara 6(5), beliau turut diwakili oleh Y.Bhg Dato' Kamarudin bin Ahmad daripada Tetuan Kamarudin & Partners.

### **4. PETIKAN TEKS UCAPAN Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN AHLI DEWAN NEGERI (ADN) BATANG KALI PADA 1HB NOVEMBER 2016 DALAM DEWAN NEGERI SELANGOR (LAMPIRAN 1)**

Petikan ucapan Y.B. Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan: "Saya dapat lihat Kerajaan Negeri Selangor juga berikrar mahu mempertahankan Institusi Raja Berperlembagaan selagi ada bulan dan bintang. Inilah janji Kerajaan Negeri Selangor sekarang. Tetapi saya sangsi dengan ikrar ini kerana Kerajaan Negeri memang sewajarnya mempertahankan institusi di raja. Namun bagaimana dengan pendirian politik dan rakan-rakan politik Y.A.B Dato' Menteri Besar yang perlu menyatakan ikrar yang sama. Ada terdapat sebahagian daripada komponen di dalam pentadbiran Y.A.B. Dato' Menteri Besar matlamat pertubuhan itu untuk menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia menerusi perjuangan sistem Parlimen Berperlembagaan. Maknanya di sini ada isi ataupun niat barangkali untuk tidak mengiktiraf Raja Berperlembagaan kepada Parlimen Berperlembagaan. Ini mungkin Institusi diraja tidak diiktiraf berbanding dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan sahaja mendukung dan menjunjung Institusi di Raja malah bertanggungjawab sepenuhnya membela Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri serta memastikan perkara-perkara tentang penubuhan dan fungsi Institusi di Raja dimasukkan serta dimartabatkan. Ikrar memang senang dibuat tetapi harus...."

### **5. USUL Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM AHLI DEWAN NEGERI (ADN) SUNGAI PINANG PADA 10HB NOVEMBER 2016 (LAMPIRAN 2)**

Pada 10hb November 2016, satu usul nombor 20 tahun 2016 di bawah Peraturan Tetap 26(1)(p) dibawa oleh Y.B. Dato' Teng Chang Khim (ADN Sungai Pinang) terhadap petikan ucapan Y.B. Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (ADN) Batang Kali seperti perkara 4 di atas. Usul tersebut berbunyi seperti yang berikut:

*Bahwasanya Dewan yang mulia ini merujuk Y.B. Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Ahli Dewan Negeri kawasan Batang Kali) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan berdasarkan ucapan beliau di Dewan Negeri Selangor pada 1 November 2016 seperti berikut "ada terdapat sebahagian daripada komponen dalam pentadbiran YAB Dato' Menteri Besar. Matlamat pertubuhan itu untuk*

*menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia melalui perjuangan sistem parlimen berperlembagaan. Maknanya di sini ada isi ataupun niat barangkali untuk tidak mengiktiraf raja berperlembagaan. Ini mungkin institusi diraja tidak diiktiraf berbanding dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan saja mendukung dan menjunjung institusi diraja, malah bertanggungjawab bersepenuhnya membela Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri serta memastikan perkara-perkara tentang penubuhan dan fungsi institusi diraja dimasukkan serta dimartabatkan. Sekian.”*

## 6. KRONOLOGI MESYUARAT JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN

Tarikh	Perkara	Keputusan Jawatankuasa
18 Januari 2017	Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bermesyuarat untuk meneliti petikan ucapan ADN Batang Kali dalam hansard.	Jawatankuasa bersetuju untuk memanggil ADN Batang Kali untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa mengenai ucapan beliau.
6 Februari 2017	Pendengaran Tertutup Jawatankuasa Hak dan Kebebasan: Keterangan daripada ADN Batang Kali mengenai ucapan beliau.	Tujuan pendengaran tertutup adalah untuk mendengar penjelasan ADN Batang Kali. Jawatankuasa bersetuju untuk membincangkan keterangan ADN Batang Kali pada mesyuarat seterusnya.
21 Februari 2017	Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bermesyuarat untuk membincangkan keterangan yang diberikan oleh ADN Batang Kali.	Jawatankuasa bersetuju untuk membuat keputusan mengenai hukuman (jika ada) yang perlu dikenakan terhadap ADN Batang Kali pada mesyuarat seterusnya.
7 Mac 2017	Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bermesyuarat untuk menentukan hukuman yang akan dikenakan terhadap ADN Batang Kali	Jawatankuasa bersetuju untuk memberikan satu pencelaan ( <i>admonishment</i> ) terhadap ADN Batang Kali.
23 Mac 2017	Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bermesyuarat untuk membincangkan dan meluluskan draf penyata yang akan dibentangkan dalam Dewan.	

**7. KETERANGAN Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN AHLI DEWAN NEGERI (ADN) BATANG KALI DI PENDENGARAN TERTUTUP JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN PADA 6HB FEBRUARI 2017**

ADN Batang Kali mengesahkan bahawa petikan ucapan beliau dalam hansard yang bertarikh 1hb November 2016 adalah perkara yang beliau maksudkan. Sehubungan itu, keterangan beliau di pendengaran tertutup merangkumi empat perkara:

- a. Pertama, ADN Batang Kali menjelaskan butiran ucapan beliau merujuk kepada pendirian politik dan rakan-rakan sekutu politik Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Beliau tidak merujuk kepada Ahli Dewan Negeri Selangor secara khusus;
- b. Kedua, ADN Batang Kali turut menjelaskan butiran ucapan merujuk kepada sebahagian daripada komponen pentadbiran Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan bukan kepada Ahli Dewan Negeri Selangor secara khusus;
- c. Ketiga, ADN Batang Kali menerangkan bahawa sepanjang ucapan, beliau sentiasa berpandukan kepada arahan Speaker. Menurutnya, Speaker tidak menggunakan sebarang kuasa untuk memberhentikan perbahasan beliau meskipun Speaker tidak bersetuju dengan kandungan perbahasan tersebut; dan
- d. Keempat, ADN Batang Kali mengesahkan bahawa niat ucapan beliau adalah untuk mendapatkan penjelasan dan pemahaman lanjut daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar berkaitan kandungan Perlembagaan Parti DAP yang menggunakan istilah 'Parlimen Berperlembagaan' dan bukan 'Raja Berperlembagaan.'

**8. PENEMUAN JAWATANKUASA**

- a. Jawatankuasa berulang kali bertanya kepada ADN Batang Kali mengenai perbezaan di antara 'Raja Berperlembagaan' dan 'Parlimen Berperlembagaan.' ADN Batang Kali menjawab bahawa beliau tidak pasti dan enggan menjawab soalan-soalan berkenaan.
- b. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa ADN Batang Kali telah membaca dan meneliti kesemua 18 matlamat perlembagaan parti DAP.
- c. Menjawab kepada perkara 7(c) di atas, Y.B. Pengerusi menjelaskan dan menekankan bahawa budaya kebebasan bersuara dipelihara dalam Dewan Negeri Selangor. Oleh itu, setiap Ahli Dewan Negeri mempunyai hak untuk bersuara namun perlu bertanggungjawab atas ucapan mereka. Y.B. Pengerusi mengingatkan ADN Batang Kali bahawa sebelum beliau sempat menghabiskan ucapan beliau, ramai Ahli Dewan Negeri telah pun mencelah untuk menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap ucapan beliau.

- d. Jawatankuasa mendapati bahawa menurut konvensyen di Parlimen India, tuduhan terhadap sesebuah parti politik hanya boleh disangkal semasa perbahasan berlangsung di Dewan. Peraturan-peraturan Tetap dalam Dewan hanya mencegah kenyataan fitnah terhadap Ahli Dewan Negeri dan bukannya terhadap mana-mana parti politik. Menurut konvensyen yang sedia ada, tuduhan yang dibuat terhadap sebuah parti politik dalam Dewan boleh dibalas oleh pemimpin parti politik tersebut.
- e. Y.B. Pengerusi berpendapat bahawa kenyataan ADN Batang Kali berkenaan parti DAP dikemukakan dalam bentuk soalan walaupun mempunyai unsur sangkaan jahat. Y.B. Pengerusi mengingatkan semua ahli Jawatankuasa bahawa sebarang hukuman yang ditetapkan oleh Jawatankuasa terhadap ADN Batang Kali akan menjadi satu kes duluan (*precedent case*) dalam Dewan Negeri Selangor. Justeru, hukuman berkenaan harus seimbang dengan kesalahannya. Oleh itu, Y.B. Pengerusi merasakan bahawa satu pencelaan (*admonishment*) sahaja perlu diberikan kepada ADN Batang Kali supaya beliau lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam semua ucapan beliau dalam Dewan.
- f. ADN Semenyih mempunyai pendapat yang sama dengan Y.B. Pengerusi supaya hanya satu pencelaan (*admonishment*) diberikan. Ini kerana ADN Batang Kali mengemukakan kenyataan beliau dalam bentuk soalan. ADN Semenyih juga menjelaskan bahawa secara kebiasaannya, terdapat banyak perbahasan dalam Dewan di mana Ahli Dewan Negeri memfitnah parti politik yang lain. Ia akan menjadi sangat tidak praktikal kepada Jawatankuasa sekiranya setiap kenyataan berkenaan dirujuk kepada Jawatankuasa.
- g. Y.B. Pengerusi menjelaskan bahawa satu usul telah dibawa oleh ADN Sungai Pinang dan diluluskan oleh Dewan pada Persidangan bertarikh 10hb November 2016 yang lepas. Oleh itu, perkara ini harus diteliti oleh Jawatankuasa.
- h. ADN Morib berpendapat bahawa kenyataan ADN Batang Kali ialah satu kenyataan yang sangat serius. ADN Morib memaklumkan bahawa istilah ‘Raja Berperlembagaan’ juga tidak disebut dalam perlembagaan parti PAS dan parti Amanah. Hal ini kerana semua parti difahamkan untuk merujuk kepada sebarang perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, ADN Morib berpendapat bahawa ADN Batang Kali haruslah dikenakan hukuman.
- i. ADN Teratai berpendapat bahawa kenyataan ADN Batang Kali yang memfitnah parti DAP sebagai parti yang tidak menghormati institusi diraja ialah satu fitnah yang sangat serius. ADN Teratai berpendapat bahawa beliau harus ditegur, tidak kira sama ada ia berbentuk hukuman atau pencelaan (*admonishment*).
- j. ADN Tanjong Sepat berpendapat bahawa kenyataan ADN Batang Kali memang ada satu prasangka yang sangat jelas sekali. Namun, ADN Batang Kali mengemukakan kenyataan beliau dalam bentuk soalan. ADN Tanjong Sepat berpendapat bahawa satu hukuman ringan perlu dikenakan sebagai satu pengajaran kepada ADN Batang Kali dan semua Ahli Dewan Negeri Selangor.

- k. ADN Seri Andalas berpendapat bahawa pencelaan (*admonishment*) sahaja tidak akan menjadi satu kes duluan (*precedent case*) yang baik dalam Dewan Negeri Selangor. ADN Seri Andalas menjelaskan bahawa terdapat beberapa jenis bentuk soalan yang biasanya ditanyakan oleh Ahli Dewan Negeri dalam Dewan. Sebagai contoh, kebanyakannya soalan akan merujuk kepada pentadbiran dan perbelanjaan Kerajaan Negeri. Soalan-soalan begini harus dibezakan dengan soalan ADN Batang Kali yang mempunyai niat untuk mempengaruhi Ahli Dewan Negeri dan orang awam bahawa parti DAP tidak menghormati institusi diraja. Perkara ini tidak seharusnya diketengahkan dalam Dewan. Oleh itu, satu hukuman perlu dikenakan terhadap ADN Batang Kali.
- l. Jawatankuasa turut mendapati ‘Parlimen Berperlembagaan’ adalah sama dengan konsep ‘Raja Berperlembagaan.’ Menurut Laporan Suruhanjaya Reid 1957, Bab IV Parlimen dan Eksekutif, Artikel 57 dan 58(i), ‘Parlimen Berperlembagaan’ merangkumi institusi Raja dan dua Dewan dan kuasa institusi Raja tersebut dihadkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu, jelas menunjukkan bahawa ucapan ADN Batang Kali tidak wajar dan boleh dielakkan jika beliau membuat kajian ringkas sebelum mengutarakan soalan tersebut. Jawapan kepada soalan beliau bukan satu rahsia dan maklumat berkenaan boleh didapati dengan mudah melalui carian atas talian.

## **9. KEPUTUSAN JAWATANKUASA**

- a. Setelah meneliti keterangan ADN Batang Kali dan pendapat ahli-ahli Jawatankuasa di hadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Jawatankuasa bersetuju bahawa tuduhan yang dibuat oleh ADN Batang Kali adalah tidak tepat dan beliau mempunyai niat untuk menaruh prasangka buruk terhadap parti DAP.
- b. Jawatankuasa amat memandang serius tindakan ADN Batang Kali. Bagi memastikan perkara sedemikian tidak berulang pada masa hadapan, Jawatankuasa mengesyorkan supaya satu hukuman berbentuk pencelaan (*admonishment*) dikenakan terhadap ADN Batang Kali.

## **10. KESIMPULAN**

- a. Jawatankuasa telah meneliti perkara ini berikutnya satu usul yang dibawa oleh ADN Sungai Pinang untuk merujuk ADN Batang Kali ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Usul ini telah pun diluluskan oleh Dewan. Syor Jawatankuasa untuk mengenakan hukuman berbentuk pencelaan (*admonishment*) adalah sebagai pengajaran kepada semua Ahli Dewan Negeri supaya tidak menaruh prasangka buruk sewenang-wenangnya. Tindakan beliau telah membazirkan masa dan sumber tenaga Dewan Negeri Selangor kerana jawapan kepada persoalan beliau mudah didapati.

- b. Jawatankuasa ini berpendapat bahawa semua Ahli Dewan Negeri hendaklah lebih bertanggungjawab dan berhati-hati sebelum mengutarakan persoalan yang boleh mengelirukan rakyat.

Penyata ini telah disediakan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di mesyuarat Jawatankuasa pada 23hb Mac 2017.

Disahkan oleh :



Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**URUS SETIA:**

- |                                  |                           |
|----------------------------------|---------------------------|
| 1. Puan Elya Marini binti Darmin | Setiausaha Bahagian Dewan |
| 2. Puan Teepah A/p Athimoolam    | Penolong Setiausaha       |
| 3. Cik Apsara A/p Muraledharan   | Pegawai Penyelidik        |
| 4. Cik Yap Yee Vonne             | Pegawai Penyelidik        |

## **LAMPIRAN 1**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 01 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

pemilik untuk menikmati kediaman yang lebih selesa dan terancang lengkap dengan kemudahan infrastruktur yang terkini.

Jawatankuasa tetap perumahan telah merangka satu kertas dasar untuk pembentukan satu jawatankuasa khas menangani satu pembangunan semula di Selangor. Kertas itu telah pun siap dan hanya menunggu untuk dibentangkan kepada EXCO. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG (Rang Undang-undang Perbekalan 2017)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang perbekalan 2017 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan, saya ingin menarik perhatian Y.B. semua berhubung perintah Speaker No 1, 2016 yang telah diedarkan kepada ahli-ahli Y.B. sekalian.

Selalunya keistimewaan khas bahas Belanjawan Negeri diberikan kepada Ketua Pembangkang. Tetapi di dalam Dewan Negeri Selangor kita tidak mempunyai Ketua Pembangkang kerana Parti Pembangkang belum lagi menamakan seorang lagi Ketua Pembangkang. Tetapi tidak apa saya buka sesi perbahasan pada pagi ini kepada sesiapa Ahli Dewan Negeri daripada pihak pembangkang yang ingin berbahas dulu. Kalau tidak ada saya jemput Sekinchan. Ada, Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Bukan penyelaras, ini pembangkang, pembangkang, pembangkang yang ingin membahas. Berapa minit Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Lebih kurang 20 - 30 minit.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assallamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh*, terima kasih tuan speaker yang memberi saya kebenaran pada pagi ini untuk membahaskan bajet Negeri Selangor bagi tahun 2017 dibentangkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar semalam. Pertama sekali seperti Kerajaan Negeri Selangor saya mewakili rakan-rakan ADUN Barisan Nasional Negeri Selangor tidak mahu ketinggalan untuk merakamkan sembah ucapan tahniah kepada DYMM Sultan Selangor kerana selamat diijabkabulkan dengan Tuanku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin. Kami juga turut

mendoakan kesejahteraan DYMM Tuanku berdua. Semoga terus berbahagia selamanya.

Buat DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah semoga selamat bersemayam dan memerintah Negeri Selangor dengan penuh hikmat, adil dan bijaksana di samping Tengku Permaisuri yang dikasihi.

Yang kedua saya juga mewakili rakan-rakan ADN Barisan Nasional ingin merakamkan sembah ucapan tahniah kepada Tengku Raja Muda Selangor atas pemasyhuran DYT<sup>M</sup> Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj sebagai Raja Muda Selangor ke-7 yang mewarisi Takhta Kesultanan Selangor.

Saya dapat lihat Kerajaan Negeri Selangor juga berikrar mahu mempertahankan Institusi Raja Berperlembagaan selagi ada bulan dan bintang. Inilah janji Kerajaan Negeri Selangor sekarang. Tetapi saya sangsi dengan ikrar ini kerana Kerajaan Negeri memang sewajarnya mempertahankan institusi di raja. Namun bagaimana dengan pendirian politik dan rakan-rakan politik Y.A.B Dato' Menteri Besar yang perlu menyatakan ikrar yang sama. Ada terdapat sebahagian daripada komponen di dalam pentadbiran Y.A.B. Dato' Menteri Besar matlamat pertubuhan itu untuk menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia menerusi perjuangan sistem Parlimen Berperlembagaan. Maknanya di sini ada isi ataupun niat barangkali untuk tidak mengiktiraf Raja Berperlembagaan kepada Parlimen Berperlembagaan. Ini mungkin Institusi diraja tidak diiktiraf berbanding dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan sahaja mendukung dan menjunjung Institusi di Raja malah bertanggungjawab sepenuhnya membela Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri serta memastikan perkara-perkara tentang penubuhan dan fungsi Institusi di Raja dimasukkan serta dimartabatkan. Ikrar memang senang dibuat tetapi harus.....

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali, Sri Muda minta mencelah

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI :** Terima kasih Y.B. Speaker. Tadi Batang Kali ada sebutkan ada parti-parti yang tak diiktiraf. Saya minta dinamakanlah. Tidak boleh menuduh sembarangan seperti itu di dalam Dewan.

Ini pertanyaan bukan peraturan.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Kalau tak ingat peraturan saya teruskan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sekinchan nak guna Peraturan Tetap Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Saya nak teruskan...

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Puan Speaker Peraturan 36.6 seorang tidak boleh mengeluarkan....

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ketiganya sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Wakil pembangkang duduk dulu...

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan ....ya Peraturan Tetap

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ya Peraturan Tetap. *Point order* 36.6. Seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Sangkaan jahat tu maknanya menuduh mana-mana parti mengatakan kita tidak setia, mengiktiraf institusi Raja-raja dan sebagainya. Ini sangkaan jahat. Dan menuding jari tanpa bukti sedangkan bahawa pakatan harapan kita DAP dan sebagainya bahawa kita menjunjung semangat perlombagaan di mana Islam sebagai Agama Rasmi dan Institusi Raja kita angkat dan tiada masalah. Tapi ni ada sangkaan jahat. Minta runding pada speaker.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali nak bagi penjelasan. Ataupun nak Permatang bagi penjelasan. Batang Kali yang bangkitkan Permatang duduk dulu. Batang Kali bagi penjelasan.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Saya bagi laluan pada Permatang. Silakan Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih. Saya ingat Sekinchan baca peraturan tu salah tu makna dia. Walaupun peraturan tu tak bersangkaan jahat kepada ahli-ahli Dewan. Saya tak dengar tadi Batang Kali sebut Sekinchan, ataupun Kinrara ataupun mana-mana Kampung Tunku, tak sebut. Jadi tak terpakailah peraturan tu Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Bagi saya laluan sambung balik ya. Ok Sekinchan puas hati Sekinchan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM** : Puan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Ya

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM** : Peraturan tetap 88

**TUAN SPEAKER** : Bagus, 88 ok. *Lets look at 88*

## **LAMPIRAN 2**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

**TUAN SPEAKER** :Permatang tolong duduk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Bawa ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan kerana boleh gunakan Majlis Raja-Raja.

**TUAN SPEAKER** :Permatang tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia (SPR) untuk menarik balik cadangan persempadanan semula dan mengemukakan satu cadangan persempadanan semula yang baru yang adil, yang mencadangkan kawasan pilihan raya yang seimbang dari segi bilangan pengundi selaras dengan prinsip satu orang, satu undi". Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** :Usul seterusnya usul nombor 20 tahun 2016, usul di bawah Peraturan Tetap 26(1)(P) oleh Y.B. Sungai Pinang.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut Bahwasanya Dewan yang mulia ini merujuk Y.B. Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Ahli Dewan Negeri kawasan Batang Kali) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan berdasarkan ucapan beliau di Dewan Negeri Selangor pada 1 November 2016 seperti berikut "ada terdapat sebahagian daripada komponen dalam pentadbiran YAB Dato' Menteri Besar. Matlamat pertubuhan itu untuk menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia melalui perjuangan sistem parlimen berperlembagaan. Maknanya di sini ada isi ataupun niat barangkali untuk tidak mengiktiraf raja berperlembagaan. Ini mungkin institusi diraja tidak diiktiraf berbanding dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan saja mendukung dan menjunjung institusi diraja, malah bertanggungjawab bersepenuhnya membela Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri serta memastikan perkara-perkara tentang penubuhan dan fungsi institusi diraja dimasukkan serta dimartabatkan." Sekian.

**TUAN SPEAKER** :Ada penyokong? Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**:Tuan Speaker, saya menyokong dan saya nak bahas sedikit.

**TUAN SPEAKER** :Terus bahas.